

Sabah kini guna Sistem Pelajaran Nasional — Dr. M

J.M. - 7 JULI 1976

KUALA LUMPUR 6 Julai — Dasar dan Sistem Pelajaran Kebangsaan yang termaktub di bawah Akta Pelajaran 1961 telah diperluaskan ke Sabah mulai 1 Januari lalu, (Dr. Mahathir Mohamad mengumumkannya hari ini.

Berikutan dengan itu, Bahasa Inggeris tidak lagi digunakan sebagai bahasa pengantar di tingkatan satu di semua sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan di seluruh negeri mulai awal tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kelas-kelas telah dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia sama seperti di Semenanjung.

Pada tahun depan pula, menurut beliau, kesemua tingkatan satu dan dua di sekolah-sekolah itu yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar akan menggunakan Bahasa Malaysia.

Pertukaran itu akan terus dilakukan secara berperingkat-peringkat sehingga ta-

hun 1980 bila semua sekolah menengah itu menggunakan sepenuhnya Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran menjelaskan bahawa langkah memperluaskan Akta Pelajaran 1961 ke Sabah, yang dibuat dengan beberapa ubahsuai, telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

Dengan perluasan akta itu ke Sabah, seluruh negara sekarang ini menggunakan dasar dan sistem pelajaran yang sama, iaitu Dasar dan Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Menurutnya, integrasi ketiga-tiga wilayah Malaysia itu, iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak, melalui satu dasar dan sistem pelajaran adalah perlu bagi menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Saya gembira kerana kedua-dua negeri — Sabah dan Sarawak — sekarang telah mengambil sikap yang positif terhadap perkara ini," kata beliau.

Dr. Mahathir memberitahu, antara ubahsuai yang telah dibuat dalam pelaksanaan akta itu ialah penubuhan satu bahagian jemaah nazir Persekutuan di Sabah bagi mengendalikan tugas-tugas pemeriksaan sekolah-sekolah dan institusi pelajaran di negeri itu.

Sebuah lembaga pusat akan juga ditubuhkan di negeri itu untuk mengambil alih peranan majikan kepada guru-guru dan kakitangan bukan guru yang dulunya berkhidmat dengan jawatankuasa pentadbiran sekolah-sekolah bantuan.

Berikutan pelaksanaan akta itu juga, Pengarah Pelajaran Negeri Sabah akan mentadbirkan kesemua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di negeri itu.

Dengan ini juga jawatankuasa-jawatankuasa pentadbir sekolah-sekolah bantuan kerajaan akan mempunyai kuasa menasihati sekolah-sekolah tersebut.

Sejajar

Bagaimanapun, pentadbiran sekolah-sekolah per-

sendirian akan terus dijalankan seperti biasa oleh jawatankuasa-jawatankuasa pentadbir sekolah masing-masing.

Dr. Mahathir berkata, sejak tahun 1970 lagi, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telah mula secara berperingkat-peringkat menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah sejajar dengan perkembangan di Semenanjung.

"Oleh itu mulai awal tahun ini Bahasa Inggeris tidak lagi digunakan sebagai bahasa pengantar di tingkatan satu di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan di negeri itu berikutan pelaksanaan tersebut," kata beliau.

Pengumuman mengenai pelaksanaan Akta Pelajaran 1961 ke Sabah ini dibuat serentak oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Di Kota Kinabalu, Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh berkata, dengan perluasan akta itu pelajar-pelajar tingkatan satu akan menerima pelajaran percuma manakala para pelajar tingkatan dua pula akan mendapat faedah yang sama mulai tahun depan.